



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
Off Persiaran Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: [www.skmm.gov.my](http://www.skmm.gov.my)

# Kenyataan Media

## Press Release

### Untuk Siaran Segera

#### **Hampir 5,500 Belia Telah Mendaftar Untuk Rebat RM200 Pakej Komunikasi Belia Pada 12 Jam Pertama**

**Cyberjaya: 1 Januari, 2013** --- Hampir 5,500 orang belia yang berumur dari 21 hingga 30 tahun telah mendaftar setakat pukul 7:00 malam hari ini untuk mendapatkan rebat RM200 Pakej Komunikasi Belia (PKB) untuk pembelian telefon pintar peringkat permulaan pada hari pertama pendaftarannya dibuka. Bilangan pendaftaran terus meningkat ketika kenyataan ini dikeluarkan. Skim PKB dilaksanakan oleh tujuh syarikat telekomunikasi, yakni Celcom, Clixster, DiGi, Maxis, Tune Talk, U Mobile dan YTL Communications dengan koordinasi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

“Kami bersyukur dan gembira dengan sokongan yang diberikan orang ramai terhadap skim ini. Sambutan menggalakkan ini menunjukkan bahawa masyarakat, khususnya golongan belia, bersedia bergerak dalam zaman ICT dan menerima baik perkembangan teknologi dunia internet,” kata Dato’ Mohamed Sharil Tarmizi, Pengerusi SKMM.

Menurut beliau, kesan daripada sambutan yang menggalakkan itu, laman sesawang PKB iaitu [komunikasibelia.skmm.gov.my](http://komunikasibelia.skmm.gov.my) dan [nbi.skmm.gov.my](http://nbi.skmm.gov.my) telah mengalami sedikit gangguan kesesakan sejak ianya dibuka mulai pukul 7:00 pagi tadi. SKMM meminta orang ramai yang masih mencuba untuk mengakses laman sesawang tersebut agar bersabar untuk sedikit masa lagi. Masalah itu sedang ditangani oleh pasukan teknikal dan SKMM amat menghargai kesabaran orang ramai dan memohon maaf di atas kesulitan yang dialami.

Pendaftaran di bawah Pakej Komunikasi Belia dan skim *Get Malaysian Business Online* boleh dilakukan secara online dari pukul 7:00 pagi hingga

# Kenyataan Media

## Press Release

11:00 malam. Untuk pertanyaan lanjut, orang ramai boleh hubungi hotline SKMM di 1800-88-4040 dari pukul 8:30 pagi hingga 5:30 petang, Isnin hingga Jumaat kecuali cuti umum.

SKMM juga ingin memaklumkan bahawa pihak penyedia perkhidmatan masih mengemaskinikan model-model telefon pintar dan senarai ejen-ejen mereka di laman sesawang masing-masing. Setakat ini terdapat lebih 20 jenis telefon pintar 3G yang ditawarkan. Syarikat penyedia perkhidmatan yang melaksanakan skim ini telah komited untuk terus menambahbaik pilihan model-model telefon pintar dari semasa ke semasa dengan menawarkannya pada paras dan harga yang kompetitif seperti yang telah diumumkan sebelum ini. Para belia yang telah berdaftar juga dinasihatkan untuk membuat pilihan dengan bijak, meninjau pasaran terlebih dahulu dan membeli peranti pilihan berdasarkan tahap kemampuan masing-masing.

[Tamat]

Senarai telefon pintar (mengikut abjad) yang akan ditawarkan adalah seperti berikut:

- 1) Alcatel 993D
- 2) Alcatel OneTouch Glory 2
- 3) Alcatel OneTouch Inspire 2
- 4) Blackberry Torch 9800
- 5) The Buzz Phone
- 6) HTC Wildfire
- 7) HTC Wildfire S
- 8) Huawei Ideos X3
- 9) LG Optimus L3
- 10) LG L3 E400
- 11) LG L3 E405
- 12) Motorola XT311
- 13) Ninetology Black Pearl II
- 14) Ninetology Palette
- 15) Nokia Asha 311
- 16) Nokia Lumia 610
- 17) Samsung Galaxy Chat

# Kenyataan Media

## Press Release

- 18) Samsung Galaxy Mini
- 19) Samsung Galaxy Pocket
- 20) Samsung Galaxy Y
- 21) Samsung Galaxy Y Duos
- 22) Sony Xperia Tipo Dual
- 23) Sony Xperia Tipo Single
- 24) ZTE Acqua
- 25) ZTE V790

### Nota:

- 1) Di atas adalah gabungan senarai model-model telefon pintar yang dimaklumkan oleh penyedia perkhidmatan kepada SKMM setakat 1 Januari 2013;
- 2) Senarai ini dikemaskini dari semasa ke semasa di laman sesawang setiap penyedia perkhidmatan yang mengambil bahagian dan ketersediaan setiap model di wakil-wakil penjual mungkin berbeza pada satu-satu masa;
- 3) Jenama serta model ditawarkan juga mungkin berbeza dari satu penyedia perkhidmatan ke penyedia perkhidmatan yang lain.

---

### Nota kepada Editor:

Sekiranya organisasi anda ingin memetik kenyataan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk sesuatu artikel mahupun bahan berita, petikan tersebut haruslah merujuk kepada SKMM sebagai sebuah organisasi dan bukan mana-mana pegawai SKMM melainkan sekiranya jurucakap rasmi SKMM ada dinyatakan di dalam kenyataan akhbar atau sebarang maklumbalas rasmi kepada media.

### **Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)**

SKMM adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (AKM) yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. SKMM mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga perkhidmatan internet, pos dan pensijilan digital.

AKM mengadakan peruntukan kepada SKMM peranan melaksanakan dasar, manakala kuasa membuat keputusan tentang dasar diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut, layari [www.skmm.gov.my](http://www.skmm.gov.my)

Untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:

Sheikh Raffie Abdul Rahman  
Penasihat Strategik, Jabatan Komunikasi Korporat

Rahayu Abdul Aziz



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
Off Persiaran Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: [www.skmm.gov.my](http://www.skmm.gov.my)

# Kenyataan Media

## Press Release

Timbalan Pengarah, Jabatan Komunikasi Korporat

Tel: +603 8688 8000 Faks: +603 8688 1007

E-mel: [ccd@cmc.gov.my](mailto:ccd@cmc.gov.my)